



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368169
Bil. : KEW.400-9/2026-2027/1
Tarikh : 30 April 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.8/2026
ANGGARAN PEMBANGUNAN SABAH TAHUN 2027

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas. Surat Pekeliling Kementerian ini Bil. 8/2026 rujukan 400-9/26-27/1 bertarikh 30 April 2026 adalah berkaitan.

2. Berhubung dengan para 6 Surat Pekeliling tersebut, disertakan bersama-sama ini Pekeliling Anggaran Pembangunan Sabah Tahun 2027 bagi tujuan pengisian oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi pihak Datuk/ Tuan/ Puan.
3. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pihak Datuk/ Tuan/ Puan dapat mengumpul data-data Anggaran Pembangunan Negeri Sabah bagi Tahun 2027 Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Datuk/ Tuan/ Puan. Data-data yang telah lengkap hendaklah diisi ke dalam Sistem S3P dan salinan *hardcopy* lengkap permohonan hendaklah dihantar ke Kementerian Kewangan Sabah tidak lewat daripada **05 Jun 2026 (Jumaat)**.
4. Perhatian Datuk/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini adalah amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR, JP)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
MFMT/NP

“SABAH MAJU JAYA”



No. Rujukan : KEW.400-9/2026-2027/1

Tarikh : 30 April 2026

PEKELILING ANGGARAN PEMBANGUNAN SABAH BAGI TAHUN 2027

LAMPIRAN A

Salinan Kepada:

Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Tingkat 28, Blok A,
Menara Kinabalu,
88400 KOTA KINABALU.

Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 19 & 20, Blok A,
Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU.

EDARAN KEPADA:

Ketua Penolong Setiausaha,
Bahagian Pengurusan dan Kewangan,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 24, Blok A,
Menara Kinabalu,
88400 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Pembangunan Luar Bandar,
Tingkat 1, Blok A,
Jalan Sanzac Sembulan,
Peti Surat No. 11591,
88817 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan,
Aras 7 & 8, Wisma Pertanian,
Jalan Tasik, Luyang,
Off Jalan Maktab Gaya,
Beg Berkunci 2049,
88624 KOTA KINABALU.

“SABAH MAJU JAYA”

No. Rujukan : KEW.400-9/2026-2027/1

Tarikh : 30 April 2026

PEKELILING ANGGARAN PEMBANGUNAN SABAH BAGI TAHUN 2027

LAMPIRAN A

Setiausaha Tetap,
Kementerian Kerja Raya dan Utiliti,
Tingkat 7, Bangunan KPI/JKR,
Jalan Sembulan,
Beg Berkunci No. 2036,
88999 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
Tingkat 6, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat,
Tingkat 1 (Podium),
Wisma Tun Fuad Stephens,
886300 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar,
Tingkat 6, Blok A,
Wisma Tun Fuad Stephens,
Karamunsing,
88300 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan,
Tingkat 5, Wisma Kewangan,
Jalan Tunku Abdul Rahman,
88593 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif,
Tingkat 10, Blok B, Wisma MUIS,
Karung Berkunci No. 2007,
88999 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi,
Aras 10, Wisma Bandaraya,
Jalan Masjid Lama,
Beg Berkunci No. 138
88300 KOTA KINABALU.

“SABAH MAJU JAYA”



SABAH

[KEW. 400-9/2026-2027/1]

Kementerian Kewangan
30 April 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Badan Berkanun Negeri

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.8/2026 ANGGARAN PEMBANGUNAN SABAH TAHUN 2027

1. PENDAHULUAN

Tahun 2027 merupakan tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga belas (RMKe-13), di mana Kerajaan Sabah komited untuk memperkukuh momentum pelaksanaan program pembangunan di seluruh Sabah demi memastikan kejayaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2.0. Usaha ini bertujuan untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mampan demi kesejahteraan rakyat Sabah.

2. TUJUAN

- 2.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Badan Berkanun Negeri mengenai penyediaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sabah Tahun 2027.
- 2.2. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil kira matlamat-matlamat dasar pembangunan dalam menyusun rancangan belanjawan bagi tahun 2027 seperti yang terkandung dalam dokumen-dokumen seperti berikut:

- (i) Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), 2026 – 2030, bagi Program dan Projek Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri Sabah.
- (ii) Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2026-2030

3. STRATEGI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2027

- 3.1. Kerajaan Sabah telah merangka Hala Tuju Strategik Pembangunan Negeri di bawah RMKe-13 yang selari dengan Visi Jangka Panjang Sabah serta pelan pembangunan kerajaan semasa iaitu Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (Pelan SMJ 2.0) dengan memberi keutamaan melalui usaha yang menjurus kepada sasaran untuk meningkatkan ekonomi negeri.
- 3.2. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada 17 Januari 2025 telah menterjemahkan hasrat Kerajaan Sabah tersebut dalam dokumen Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) 2026 – 2030, bagi Program dan Projek Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri yang menggariskan Hala Tuju Strategik Pembangunan Negeri di bawah pelaksanaan RMKe-13. Tumpuan utama Hala Tuju Strategik adalah agenda pembangunan yang merangkumi semua sektor demi memperkukuhkan pembangunan inklusif dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, mengimbangkan pembangunan wilayah, memperkasakan modal insan dan memastikan kemampanan alam sekitar.
- 3.3. Selaras dengan Hala Tuju Strategik Pembangunan Negeri di bawah RMKe-13, Teras Strategi Perbelanjaan Pembangunan 2027 akan berpandukan kepada strategi-strategi yang digariskan di bawah bidang-bidang berikut:
 - a. Perindustrian dan Keusahawanan;
 - b. Pertanian dan Keterjaminan Makanan;
 - c. Pelancongan dan Kebudayaan;
 - d. Infrastruktur, Utiliti dan Tenaga Lestari;
 - e. Modal Insan;
 - f. Digital;
 - g. Pembangunan Wilayah yang Seimbang;

- h. Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat;
 - i. Alam Sekitar dan Sumber Asli; dan
 - j. Ekonomi Biru.
- 3.4. Kementerian Kewangan Sabah telah menyelaraskan semula jenis perbelanjaan mengurus yang berunsurkan pembangunan dan memindahkannya ke Akaun Pembangunan bermula Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13: 2026-2030).

4. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PEMBANGUNAN SABAH TAHUN 2027

- 4.1. Semua Setiausaha Tetap selaku Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan disediakan mengikut garis panduan yang terdapat di dalam Pekeliling ini, khususnya Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) 2026 – 2030, Program Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri Peringkat Negeri Sabah rujukan JKM(S) 400-9/67(1).
- 4.2. Selain itu, semua Setiausaha Tetap hendaklah berbincang dan mendapat persetujuan Menteri berkenaan penyenaiaan projek. Penyediaan Anggaran Pembangunan Tahun 2027 di bawah RMKe-13 perlu dimuktamadkan di peringkat Kementerian masing-masing.
- 4.3. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap permohonan peruntukan bagi projek pembangunan tahun 2027 yang sedang atau akan dilaksanakan adalah projek-projek yang telah diluluskan di bawah RMKe-13 serta tersenarai di dalam Sistem Maklumat Ekonomi dan Pembangunan Projek Sabah (SMEPPS). Pemilihan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan hendaklah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti di Lampiran A.
- 4.4. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa projek/program yang dikemukakan tidak bertindih dengan projek/program yang dilaksanakan oleh agensi lain dari segi objektif, kumpulan sasar atau fungsi. Sehubungan itu, mesyuarat koordinasi perlu dilakukan bagi projek/ program yang mungkin berhubung kait dengan agensi pelaksana atau kementerian lain.

- 4.5. Bermula tahun 2026, Kementerian Kewangan bersama pihak UPEN dan Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah membuat penambahbaikan kepada modul Sistem Pengurusan Peruntukan, Perbelanjaan dan Pembayaran (S3P) dan pelaksanaan SMEPPS bagi memudahkan proses permohonan peruntukan tahunan, pindahan peruntukan (Virement), tambahan peruntukan (ASP), Kumpulan Wang Luar Jangka (CRAW) serta pemantauan dari segi fizikal dan kewangan sesuatu projek/program yang akan dilaksanakan pada RMKe-13: 2026-2030.
- 4.6. Kementerian Kewangan bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Bendahari Negeri, Jabatan Teknologi Digital dan Inovasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah, Accounting Control Centre (Jabatan Bendahari Negeri Sabah), *Budget Review Officer* (BRO) Bahagian Belanjawan, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam dan Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan akan mengadakan sesi libat urus dengan semua Kementerian/Jabatan dalam Penyediaan Anggaran Perbelanjaan tahun 2027.

5. PELAKSANAAN PROJEK/PROGRAM PEMBANGUNAN

- 5.1. Dalam pelaksanaan program atau projek yang melibatkan pengambilan tanah, pembinaan jalanraya, pembinaan kemudahan awam dan perkhidmatan konsultan bagi penyediaan reka bentuk, Kementerian/ Jabatan hendaklah merujuk kepada jabatan-jabatan teknikal Sabah yang berkenaan dan tidak terhad kepada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Negeri Sabah dan Jabatan Teknologi Digital dan Inovasi Sabah.
- 5.2. Kementerian/Jabatan dikehendaki merujuk projek masing-masing kepada Jabatan Teknikal yang berkenaan (seperti yang tersebut di 5.1) terlebih dahulu sebelum melantik perunding. Jika Jabatan Teknikal mengesahkan tidak berkemampuan melaksanakan projek berkenaan, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Jabatan Teknikal hendaklah memberi pengesahan kepada jabatan pelaksana dalam tempoh **Empat Belas (14) hari** mengenai perkara ini. Sekiranya tidak ada maklum balas daripada Jabatan Teknikal dalam tempoh tersebut, maka

Jabatan melalui Kementerian boleh memulakan pelaksanaan projek dengan kebenaran Kementerian Kewangan Sabah.

- 5.3. Kementerian/Jabatan juga adalah diingatkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Projek sepertimana yang dikehendaki dalam Surat Pekeliling Rujukan JPN.1800/1/2 bertarikh 3 Mac 1994 yang telah pun diedarkan kepada semua Kementerian/ Jabatan. Jawatankuasa ini hendaklah mengawasi dan memberikan nasihat profesional dalam memastikan pelaksanaan sesuatu program/ projek berjalan lancar, teratur dan berprestasi tinggi. Pihak Kementerian/ Jabatan hendaklah membincangkan perkara berkenaan Arahan Perubahan Kerja dan Perubahan Harga Kerja di dalam Jawatankuasa Teknikal sebelum diputuskan di dalam Jawatankuasa Pemandu. **Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan** hendaklah diadakan secara bulanan bagi memastikan setiap projek dapat dilaksanakan dengan sempurna.
- 5.4. Maklumat berkenaan tujuan, syarat-syarat rujukan dan keanggotaan Jawatankuasa Pemandu tersebut adalah seperti di Lampiran B.

6. PROSES PENGISIAN ANGGARAN PEMBANGUNAN SABAH TAHUN 2027

- 6.1. Bermula Tahun 2026, Kementerian Kewangan Negeri Sabah dengan kerjasama *Account Control Centre* Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah mengaktifkan pengisian Anggaran Pembangunan Tahunan melalui sistem S3P. Pengisian hendaklah berlandaskan skop-skop yang akan dilaksanakan pada tahun 2027. Pegawai Pembangunan setiap Kementerian adalah bertanggungjawab penuh dalam memastikan permohonan adalah bersesuaian dengan kemampuan kementerian untuk berbelanja
- 6.2. Semua cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sabah Tahun 2027 hendaklah dibuat dengan melengkapkan maklumat/ data dalam format tersedia di dalam Sistem S3P. Setiap Kementerian hendaklah menyediakan dan mengemaskini perbelanjaan sebenar bagi projek pada Tahun 2023-2025 dan Anggaran Disemak Tahun 2026 seperti di Lampiran D untuk semakan pihak Kementerian Kewangan. Pegawai Pengawal juga perlu memastikan

maklumat perbelanjaan sebenar bagi tahun 2025 adalah tepat sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

6.3. **Justifikasi serta keterangan yang terperinci** bagi menyokong permohonan yang dikemukakan adalah diperlukan, di mana ianya perlu meliputi:

- (i) Pengutamaan Projek Sambungan;
- (ii) Senarai projek di bawah setiap Kod Program (dengan nilai projek masing-masing);
- (iii) Matlamat / Strategi projek (menerangkan apa yang hendak dicapai);
- (iv) Kos perbelanjaan yang terperinci (*cost details*) yang merangkumi rekabentuk, tanah, perkhidmatan perunding, penyelenggaraan, sumbangan modal elektrik serta air, infrastruktur sokongan dan sebagainya;
- (v) Skop dan komponen terperinci termasuk unjuran kos bagi setiap program/projek;
- (vi) Keperluan tenaga manusia (*manpower requirement*);
- (vii) Perbelanjaan kewangan yang terkini, rujuk format seperti di Lampiran D;
- (viii) *Preliminary Detailed Abstract* (PDA) bagi program/ projek yang baru bermula;
- (ix) Unjuran perbelanjaan bulanan kewangan dan fizikal bagi setiap perancangan program/projek yang belum bermula, (*Graf S-Curve* bagi projek yang telah bermula); dan
- (x) Kebolehlaksanaan projek (Ketersediaan tapak).

6.4. Justifikasi serta keterangan lanjut ini akan dipautkan (*Hyperlink*) kepada projek-projek berkenaan di dalam pengisian tersebut. Bagi maksud tersebut semua dokumen hendaklah ditukarkan ke format PDF dan dimuatnaik di dalam Sistem S3P. Lampiran Hardcopy perlu dihantar ke Kementerian Kewangan bagi tujuan semakan.

6.5. **Projek Inisiatif Kewangan Swasta (PFI):**
Semua projek PFI hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan penyelarasan.

- 6.6. Projek Pemberian Secara Langsung, Bayaran Balik, dan Pinjaman Persekutuan:

Semua projek yang diperuntukkan melalui pemberian secara langsung, bayaran balik, dan Pinjaman Persekutuan hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan penyelarasan. Maklumat tersebut boleh dikemaskini seperti dalam Lampiran C dan Lampiran D.

7. PENGISIAN DAN PENGHANTARAN ANGGARAN

- 7.1. Pengisian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan hendaklah mengikut borang dan format yang disediakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.
- 7.2. Semua Pegawai Pengawal hendaklah memastikan rekod perbelanjaan sepanjang RMKe-13 adalah tepat bagi mengelakkan permohonan peruntukan yang melebihi siling. Sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah tidak lengkap, maka ia **tidak akan dipertimbangkan dan diproses**.
- 7.3. Semua Pegawai Pengawal hendaklah menyiapkan pengisian dan mengemukakan segera dokumen Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sabah Tahun 2027 **pada atau sebelum 5 Jun 2026**.

8. PELANTIKAN DAN RUNDINGAN HARGA PROJEK

- 8.1 Pegawai Pengawal wajib memastikan rundingan harga tersebut telah diterima dan mendapat kebenaran daripada pihak Kementerian Kewangan sebelum proses pelantikan kepada pihak kontraktor dilaksanakan.
- 8.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan "Letter of Award" dikeluarkan kepada pihak kontraktor **SELEPAS** rundingan harga dilaksanakan.
- 8.3 Pegawai Pengawal hendaklah merujuk kepada dokumen Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.4/2023 – Garis Panduan Permohonan Pengecualian daripada Tatacara Tender/ Sebut Harga oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan Permohonan Rundingan Terus untuk memastikan ketelusan dalam tatacara perolehan projek.

9. PEMBAYARAN PROJEK DAN PROGRAM

- 9.1. Bagi maksud pembayaran kepada projek di bawah Akaun Pembangunan Sabah, semua projek dan program hendaklah dibayar mengikut prestasi semasa fizikal iaitu secara pembayaran pendahuluan dan Interim (*Interim Payment*).
- 9.2. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan tapak bagi memastikan dan memperakukan kerja-kerja yang dituntut telahpun dilaksanakan oleh pihak kontraktor sebelum sebarang pembayaran dilakukan.
- 9.3. Pihak Pegawai Pengawal hendaklah memastikan penyaluran peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi dan Badan Berkanun Negeri dilaksanakan melalui pembayaran interim agar dapat memantau prestasi pelaksanaan program/ projek dengan lebih cekap dan berkesan. Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi dan Badan Berkanun Negeri tidak dibenarkan untuk menyimpan atau menangguhkan perbelanjaan peruntukan yang telah disalurkan.
- 9.4. Sekiranya terdapat keperluan menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja awalan yang dipohon oleh pihak kontraktor, Pegawai Pengawal hendaklah berbincang dengan Kementerian Kewangan dan UPEN untuk memutuskan kaedah terbaik dalam penyaluran peruntukan.
- 9.5. Pelantikan kontrak dilaksanakan berdasarkan kos projek yang telah diluluskan dan bukan berdasarkan peruntukan tahunan.
- 9.6. Mana-mana komponen yang bersifat perbekalan seperti Elaun Perjalanan dan Sara Hidup/ Elaun Lebih Masa/ *Supervision Fee* / Perbelanjaan e-Pol/ e-Move dan lain-lain bagi program/ projek yang telah diluluskan dibawah RMKe-13, Pegawai Pengawal hendaklah membuat permohonan dibawah akaun perbekalan masing-masing Berdasarkan Lampiran E Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), 2026 – 2030, bagi Program dan Projek Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri Sabah.

- 9.7. Perbelanjaan luar jangka seperti sumbangan modal (capital contribution) hendaklah dimeterai di dalam kontrak bagi setiap projek
- 9.8. Bagi maksud kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Perubahan Harga Kerja (PHK), Jawatankuasa Teknikal hendaklah mengesyorkan kepada Jawatankuasa Pemandu dan Pemantauan Projek untuk mendapat kelulusan.

10. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL DAN PEGAWAI PEMBANGUNAN

- 10.1. **PEGAWAI PENGAWAL DAN PEGAWAI PEMBANGUNAN** setiap Kementerian dan Jabatan perlu bertanggungjawab untuk memastikan perancangan dan pengurusan projek agar berjalan dengan lancar.
- 10.2. **PEGAWAI PENGAWAL DAN PEGAWAI PEMBANGUNAN** wajib memastikan laporan prestasi fizikal dan kewangan dilaporkan di dalam **SMEPPS** secara bulanan. Sekiranya gagal untuk membuat pelaporan, maka Kementerian Kewangan dan UPEN berhak menyekat peruntukan tahunan terhadap projek/program tersebut.
- 10.3. Pematuhan kepada arahan perbendaharaan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa bagi tujuan pembayaran kepada Jabatan Bendahari Negeri.

11. PERINGATAN

11.1. Dalam penyediaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2027, semua **PEGAWAI PENGAWAL** adalah dinasihatkan agar memastikan angka-angka disemak dengan teliti dan realistik. Di samping itu, keupayaan dan kapasiti pelaksanaan juga hendaklah diambil kira untuk memastikan peruntukan bagi tahun tersebut dapat dibelanjakan.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR, JP)

Setiausaha Tetap

Tarikh: **30 APR 2026**

Sesalinan Kepada:

**YB. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A,
Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu.**

**Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi Negeri,
Aras 19 & 20, Blok A,
Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu.**

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN A

KRITERIA-KRITERIA PEMILIHAN PROJEK ANGGARAN PEMBANGUNAN SABAH TAHUN 2027

Memberi keutamaan kepada:

- i. Program/projek sambungan, khususnya yang sedang dalam pelaksanaan dan terikat secara kontrak;
- ii. Program/projek tambahan yang kritikal kepentingannya atau diperlukan untuk melengkapkan atau menyokong program/projek sedia ada. Walau bagaimanapun, projek-projek baharu tersebut hendaklah merupakan projek-projek yang memenuhi kriteria berikut:
 - a. Telah melalui peringkat perancangan dan penyediaan awal iaitu spesifikasi teknikal dan kos terperinci sudah disediakan;
 - b. Kajian kemungkinan (jika berkaitan) sudah dibuat;
 - c. Daya maju sudah ditentukan; dan
 - d. Tapak sudah tersedia iaitu segala urusan pengambilan tanah telah diselesaikan sekiranya berkaitan.
- iii. Projek yang mendapat kelulusan khas Kerajaan;
- iv. Program/projek produktif yang menyumbang kepada pengukuhan kedudukan ekonomi negeri dan peningkatan pendapatan Kerajaan Negeri;
- v. Program/projek infrastruktur dan kemudahan awam yang pada masa sama melengkapkan pembangunan sektor-sektor pertumbuhan dan produktif;
- vi. Program/projek yang bertujuan melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan, mahir dan terlatih;
- vii. Program/projek pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar;
- viii. Program/projek yang menyumbang ke arah mentransformasikan ekonomi negeri kepada sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemindahan dan penggunaan teknologi baru dan moden, automasi serta proses kerja yang inovatif;

- ix. Program/projek alam sekitar yang menyumbang kepada pembangunan berkekalan.
- x. Program/projek yang menyokong pelaksanaan agenda pembangunan spesifik Kerajaan semasa iaitu:
- Penjimatan kepada kewangan Kerajaan khususnya skop kerja-kerja yang berberpatutan;
 - Pencegahan penghapusan pembalakan haram;
 - Pembasmian kegiatan mengebom ikan;
 - Usaha menangani masalah pendatang tanpa izin;
 - Pembangunan yang menjurus kepada peningkatan ekonomi negeri.
- xi. Program/projek yang banyak menggunakan produk keluaran tempatan;
- xii. Program/projek dimana langkah-langkah tertentu telah diambil untuk mengawal dan mengurangkan kos kerja-kerja pelaksanaan;
- xiii. Program/projek yang boleh dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan; dan
- xiv. Program/projek yang boleh dikongsi bersama oleh jabatan/ agensi berhampiran atau dalam satu kawasan seperti kemudahan dan bangunan

LAMPIRAN B

JAWATANKUASA PEMANDU PROJEK

1. Tujuan

Tujuan asas penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek ialah untuk membantu jabatan pelaksana menyelaras dan menjalankan pelaksanaan sesuatu projek. Selain daripada memastikan projek berjalan lancar seperti yang dijadualkan, Jawatankuasa Pemandu juga dapat memainkan peranan dalam pengawalan kos dan belanjawan yang disediakan.

2. Pengelasan Projek-Projek Yang Dipantau

Projek-projek pembangunan yang dibiayai terus oleh Kerajaan harus dikawal dan dipandu. Projek-projek yang memerlukan pembentukan sebuah Jawatankuasa Pemandu adalah terbahagi kepada dua kategori, iaitu:

- (a) Projek-projek Infrastruktur/Prasarana yang melibatkan kos lebih daripada RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta). Sebagai contoh: Projek-projek jalan raya, saluran najis, saluran bandar, bangunan kerajaan dan bekalan air yang ditenderkan.
- (b) Projek-Projek Sosial yang melibatkan kos lebih daripada RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta). Sebagai contoh: Projek-projek kompleks sukan, pusat kebudayaan, perpustakaan, rumah orang tua dan dewan serbaguna.

3. Syarat-syarat Rujukan Jawatankuasa Pemandu

- (a) Memantau perkembangan dan perjalanan projek yang dilaksanakan;
- (b) Mendengar dan mengenalpasti isu-isu dan masalah-masalah di sepanjang tempoh pelaksanaan projek;
- (c) Membantu menyelaras dan menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah yang dikenalpasti;
- (d) Memastikan peruntukan kewangan yang diluluskan bagi sesuatu projek digunakan secara berkesan dan teratur mengikut tatacara yang sedia ada;

- (e) Membantu dalam mengawal kenaikan kos projek;
- (f) Mengkaji dan mempertimbangkan permohonan bagi mengubahsuai keperluan pelaksanaan projek (variation order) yang diperakukan melalui jabatan pelaksana;
- (g) Mengkaji dan mempertimbangkan hal-hal lain yang berkaitan dengan pelaksanaan projek.

4. **Keanggotaan Jawatankuasa Pemandu**

Jawatankuasa Pemandu mestilah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab mengendalikan projek berkenaan. Anggota-anggota boleh dilantik daripada Kementerian/Jabatan lain yang mempunyai kepentingan, termasuk wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Jika sesuatu projek dilaksanakan dengan menggunakan perkhidmatan juruperunding, wakil juruperunding tersebut juga harus dilantik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pemandu.

Berikut diberikan dua kemungkinan contoh keahlian Jawatankuasa Pemandu bagi dua buah projek.

Contoh I

Jawatankuasa Pemandu Bagi Projek Jalan Raya Ranau — Tambunan

1.	Kementerian Kerja Raya	-	Pengerusi
2.	Jabatan Kerja Raya	-	Ahli/Sekretariat
3.	Kementerian Kewangan	-	“Co-opted”
4.	Unit Perancang Ekonomi Negeri	-	Ahli
5.	Jabatan Tanah dan Ukur	-	Ahli
6.	Pejabat Daerah Ranau	-	Ahli
7.	Pejabat Daerah Tambunan	-	Ahli
8.	Wakil Juruperunding	-	Ahli

Contoh II

Jawatankuasa Pemandu bagi Projek Kompleks Sukan Sandakan

1.	Kementerian Belia dan Sukan	-	Pengerusi
2.	Lembaga Sukan	-	Ahli/Sekretariat
3.	Kementerian Kewangan	-	“Co-opted”
4.	Unit Perancang Ekonomi Negeri	-	Ahli
5.	Jabatan Tanah dan Ukur	-	Ahli
6.	Majlis Perbandaran Sandakan	-	Ahli
7.	Jabatan Air	-	Ahli
8.	Wakil Juruperunding	-	Ahli
9.	Jabatan Kerja Raya	-	Ahli

5. Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

Untuk keberkesanan, setiap Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan harus bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan dan tidak kurang dari sekali dalam dua bulan.

6. Tempat Bermesyuarat Jawatankuasa Pemandu

Tempat bermesyuarat bagi Jawatankuasa Pemandu akan ditentukan melalui budi bicara Pengerusi.

7. Lawatan Ke Projek

Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu perlu membuat lawatan ke projek yang dipandu dari semasa ke semasa untuk mendapatkan gambaran yang mutakhir tentang perkembangan projek. Kekerapan membuat lawatan ke projek akan ditentukan mengikut keadaan dan keperluan sesuatu projek melalui persetujuan bersama oleh ahli-ahli.

Wakil juruperunding dan wakil kontraktor juga patut hadir bersama ke lawatan projek untuk memberi taklimat dan penjelasan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu jika diperlukan.

8. Pembubaran Jawatankuasa Pemandu

Jawatankuasa Pemandu boleh dibubarkan setelah projek yang dipandu mencapai tahap penyiapan. Walau bagaimanapun, khidmat dan nasihat ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu selalunya masih diperlukan untuk menangani dan menyelesaikan perkara-perkara yang tergantung setelah projek berkenaan disiapkan. Dalam hal ini, tarikh pembubaran Jawatankuasa Pemandu tersebut akan ditentukan mengikut arahan Kementerian/Jabatan pelaksana.

9. Jawatankuasa Teknikal

Selain daripada Jawatankuasa Pemandu, jabatan pelaksana juga digalakkan untuk mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi projek-projek tertentu yang bertujuan untuk mengkaji, membincang dan menyelesaikan masalah-masalah yang bersifat teknikal. Jawatankuasa Teknikal, biasanya dipengerusikan oleh Jabatan Pelaksana atau jabatan yang mengendalikan projek bagi pihak jabatan lain seperti Jabatan Kerja Raya. Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek. Jawatankuasa Teknikal perlu mengadakan mesyuarat lebih kerap dan segala keputusan perbincangan akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu.

CONTOH

ANGGARAN PEMBANGUNAN NEGERI SABAH, 2027

D. 39

KEPALA D. 39 - KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN - (samb.)

Pecahan Kepala (Bil. Kod)	Tajuk	PERBELAJAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS										Kenyataan
		Perbelanjaan Sebetar 2022		Perbelanjaan Sebetar 2023		Perbelanjaan Sebetar 2024		Anggaran Disemak 2025		Anggaran Siling (RMKe-13) 2026-2030		
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)
RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
D39 0300	KOD PROJEK (PROJECT CODE)											
	JABATAN HAL EHWAL ANAK NEGERI SABAH											
0001	Pembinaan Mahkamah Anak Negeri Benua											
1.1	Projek A				6,000,000							
1.2	Projek B				1,500,000							
1.3	Projek C				1,500,000							
	Jumlah Jabatan Hal EHWAL Anak Negeri Sabah											
	Jumlah Pembangunan Untuk Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan											

RINGKASAN:

PERBELAJAAN BIASA PEMBANGUNAN

(KUMPUAN WANG NEGERI)
(IPUJIAN PERSEKUTU
(BAYARAN BALK PERSEKUTUAN)

RM

Jumlah Pembangunan Untuk Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan
(TOTAL DEVELOPMENT FOR MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING

NEGERI SABAH
RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS,
(2026 – 2030)
PRESTASI KEWANGAN MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/BADAN BERKANUN
(PROGRAM/PROJEK PEMBIAYAAN KERAJAAN NEGERI)

Nama Kementerian Negeri:	Bil	Nama Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Negeri	Siling/ RMK12 (RM)	Tahun 2023		Tahun 2024		Tahun 2025		Tahun 2026		Tahun 2027		
				Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan Setakat 30.5.2026 (RM)	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan Setakat 30.5.2026 (RM)	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan Setakat 30.5.2026 (RM)	Peruntukan Diluluskan (RM)
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)	
		Kod Projek/Tajuk												

Nota: Kolum 2 merujuk kepada Kod Projek/Tajuk seperti dalam Buku Belanjawan Tahunan dan Perincian projek-projek dimana perlu, dan Kolum 3 merujuk kepada jumlah peruntukan Siling RMKe-13 yang diluluskan bagi setiap Pecahan Kepala Pembangunan dan projek di bawah pecahan tersebut